

 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 26 November 1966 &gt; Page 2 &gt; Chadangan 'Artis Kechil' di-sambut para artis

## Chadangan 'Artis Kechil' di-sambut para artis

Berita Harian, 26 November 1966, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL4849

★ Add to Citation

 Previous ArticleNext Article  Previous PageNext Page 

# Chadangan 'Artis Kechil' di-sambut para artis

**'PERSATUAN PARA SENIMAN  
PERLU DI-BENTOK'**

**SINGAPURA, Juma-**  
**'at. — Chadangan**  
**be b e r a p a o r a n g**  
**'Artis Kechil' supaya**  
**satu persatuan para**  
**artis perlu di-bentok**  
**telah mendapat sam-**  
**butan baik dari bebe-**  
**r a p a o r a n g a r t i s**  
**s a - t e m p a t.**

Mereka sa-pendapat mengatakan chadangan itu merupakan satu chadangan yang baik "yang perlu di-usahakan segera."

## Information ▲

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
26 November 1966Reel Number:  
NL4849Share     

## Table of Contents ▲

&lt; Previous | Page 2 | Next &gt;

IYUTA Kuwait ka\*\* Malaysia, Tuan Mohamed Zaid Al-Herbish dan isterinya semalam telah mengadap Sultan dan Tengku Ampuan Selangor di-Istana Alam Shah Klang.

IYUTA Kuwait ka- Malaysia, Tuan Mohamed Zaid AlHerbish dan isterinya semalam telah mengadap Sultan

### SOAL BAHASA: WAKIL2 GURU SA-PENDAPAT

SOAL BAHASA: WAKIL2 GURU SA-PENDAPAT  
Seminar Guru2 Sa-Asia CINGAPURA, Jumaat. Wakil2

 View Full Table of Contents 

 Beberapa orang pelakun filem yang mensifatkan diri mereka sebagai 'Artis Kechil' telah menchadangkan supaya satu persatuan para artis untuk memajukan seniman2 di-sini perlu ditubohkan.

Persatuan itu, tambah mereka, hendak-lah tidak berchorak politik atau pun kesatuan sa-kerja, tetapi khusus bagi memajukan dayachipta dan karya seniman2 masa depan.

### Anggap perlu

 Mereka memandang perlu persatuan itu ditubohkan kerana tidak ada sa-suatu persatuan pun yang menjaga dan meninggikan kegiatan para artis sa-tempat

Mengulas chadangan itu, pelakun Jins Sham-sudin, dari Jalan Ampas berkata chadangan itu sangat baik dan menggalakkan. Kalau di-perlukan beliau sedia memberikan khidmat-nya untuk membentok persatuan itu.

Beliau, bagaimanapun menyatakan lebih suka supaya 'PERSAMA' yang telah di-bubarkan itu dihidupkan kembali dengan merombak sa-mula tujuan2-nya yang tidak perlu.

Ini ada-lah baik kerana "PERSAMA" maseh ada wang simpanan-nya sa-banyak \$3.000. Dengan-nya boleh memajukan tujuan2 persatuan yang hendak dibentuk itu.

 Dari Sharikat Cathay-Keris pula, pengarah dan pelakun M. Amin, sa-lain menyokong chadangan penubohan persatuan itu berkata "lebih cepat penubohan itu di-adakan ada-lah lebih baik".

Beliau suka kalau kerjasama dari artis2 filem di-Studio Filem Shaw dan Cathay-Keris dan Artis2 TV, radio dan lain2 dapat di-wakili dalam penubohan persatuan baharu itu.

## Kerjasama

Oleh-nya kemudian diingatkan supaya persatuan yang hendak ditubuhkan itu "benar2 tidak bersifat politik, kesatuan sa-kerja dan lain2-nya, tetapi sama2 untuk memajukan para artis."

Inche Zain Mahmud, penerbit ranchangan TV, ketika di-hubungi juga menyokong chadangan itu di-samping mengusulkan supaya persatuan itu tidak sahaja terlingkong di-kalangan para artis di-studio filem sahaja

Beliau mengeshorkan supaya persatuan itu nanti di-luaskan hingga dapat menghimpunkan semua para seniman dari berbagai lapangan disini untuk memajukan seni bangsa.

## Mengeshorkan

Beliau juga mengeshorkan supaya puchok pimpinan bakal persatuan ini hendak-nya terdiri dari orang2 yang "ada wang" supaya masa'alah gaji dan mendapatkan bayaran lebih dari hasil tenaga mereka itu tidak menjadi tujuan utamanya.

Seniwati Sarimah dari Jalan Ampas juga menyambut baik ura2 perubahan persatuan itu di-samping menyatakan kesediaan-nya untuk memberikan khidmat-nya jika di-perlukan.





SARIMAH... sedia ber-khidmat jika di-perlui-kan.

## Related Articles



No related article found.

